

8 8091 AAB  
MAHATHIR

MELAKA, 16 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERHUBUNGAN ANTARA INDONESIA DAN MALAYSIA AMAT PENTING DI RANTAU ASIA TENGGARA, KERANA JIKA PERHUBUNGAN ITU BAIK, KEADAAN DI RANTAU INI JUGA AKAN BERADA DALAM KEADAAN YANG BAIK.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KEJAYAAN ASEAN BANYAK BERSANTUNG KEPADA PERHUBUNGAN RAPAT ANTARA INDONESIA DAN MALAYSIA, DAN JIKA PERHUBUNGAN ITU BURUK, AKAN TERJEJASLAH KEDUDUKAN ASEAN.

SEBALIKNYA JIKA PERHUBUNGAN INDONESIA DAN MALAYSIA KUKUH, KEDUDUKAN ASEAN JUGA AKAN BERTAMBAH KUAT DAN BERKESAN DALAM ARENA DUNIA, KATANYA KETIKA MERASHIKAN +DIALOG MALINDO I+ YANG AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA AHAD INI DI TANJUNG BIDARA BEACH RESORT, DEKAT SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERHUBUNGAN INDONESIA DENGAN MALAYSIA ADALAH ISTIMEWA BIFATNYA KERANA IA MEMBERIKAN KESAN MELUAS BUKAN SAHAJA KEPADA PENCAPAIAN MASA DEPAN KEDUA-DUA NEGARA, TETAPI JUGA KEPADA ASEAN.

SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU BERKATA SEPATUTNYA TIDAK ADA SESIAPA YANG HARUS MENYIKIPAN SYAK MASANGKA AKAN PERHUBUNGAN RAPAT ANTARA INDONESIA DAN MALAYSIA, KERANA HUBUNGAN ITU MEMBANA KEBAIKAN KEPADA RANTAU ASIA TENGGARA. -- LAGI

1430MST 16 12 88

8 8092 AAB

MAHATHIR 2 MELAKA

BELIAU MENGAMBIL CONTOH HUBUNGAN RAPAT ANTARA BRITAIN DAN AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI PERBANDINGAN PERHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN INDONESIA, YANG MEMURUTNYA KEDUDUKAN PERHUBUNGAN DUA NEGARA MAJU ITU TURUT MEMPENGARUHI KEADAAN DI DUNIA.

+JIKA KEDUA-DUA NEGARA DAPAT TOLONG-MENOLONG ANTARA SATU SAMA LAIN, IA AKAN MEMUATKAN LAGI DAN MENENTUKAN ARAH ASEAN DENGAN TINDAKAN LEBIH BERKESAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA BERKATA +MALAUPUN BLOK KIRI DAN KANAN TELAH MENGURANSKAN KETEGANGAN ANTARA MEREKA UNTUK MEMUMPUKAN PADA USAHA PEMBANGUNAN, KITA MUNGKIN MENJADI MANSSA MEREKA, JIKA TIADA KERJASAMA ERAT DALAM ASEAN, YANG MAMPU MENEMTANGNYA+.

+PERHUBUNGAN RAPAT ANTARA INDONESIA-MALAYSIA INI HARUS DIKEKALKAN APABILA BARISAN PEMIMPIN PELAPIS MENGAMBIL ALIH KEPIMPINAN NEGARA,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KEAKRABAN ITU BOLEH MEMUDAHKAN PENYELESAIAN SESUATU MASALAH ANTARA KEDUA-DUA NEGARA SEHINGGA MUNGKIN DAPAT DIATASI HANYA MELALUI TELEFON. -- LAGI

1432MST 16 12 88

BELIAU JUGA MELAHIRKAN KEBINGSAHAN SESETENGAH PIHAK SAHAMA KEDUDUKAN ASEAN AKAN TERJEJAS JIKA PEMIMPIN YANG ADA HARI INI DIAMBIL ALIH OLEH PEMIMPIN PELAPIS, KERANA KATA MEREKA PEMIMPIN PELAPIS TIDAK MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN.

→ DENGAN ADANYA DIALOG INI, IA AKAN MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA KERANA MELALUINYA DAPAT MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN MAKLUMAT BARISAN PEMIMPIN PELAPIS. → KATA PERDANA MENTERI YANG TIBA DI SINI SETELAH MELAKUKAN LANJUTAN TIGA HARI KE SINGAPURA.

MENTERI PEMUDA DAN OLAHRAGA INDONESIA ENCIK AKHBAR TANJUNG KETIKA BERUCAP SEBAGAI MEMAKILI KERAJAAN INDONESIA PULA BERKATA DIALOG ITU AKAN MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN YANG SEDIA MUJUD ANTARA INDONESIA-MALAYSIA.

SERAMA 40 PEMUDA DAN PEMUDI INDONESIA MENYERTAI DIALOG SEUMPAMA ITU YANG PERTAMA KALI DIADAKAN, MANAKALA MALAYSIA DINAKILI OLEH ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO.

YANG TURUT HADIR IALAH KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK DAN MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT.

SETELAH MERASMIKAN DIALOG ITU, PERDANA MENTERI TELAH MEMUNAIKAN BERBAHYANG JUMAAT DI MASJID AL-SYUHADA' DI KEM TERENDAK. BELIAU AKAN MENADAKAN DIALOG TERTUTUP DENGAN PARA PESERTA, PETANG INI. --  
BERNAMA